

**TEKS UCAPAN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA GAKUM 1433H**

*29 Ogos 2012 (Rabu) bersamaan 11 Syawal 1433H, 2.00 petang  
Dewan Kompleks Sukan UTeM*

1

Bismillahirrahmanirrahim  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Y.Bhg. Dato' Hj. Omar bin Osman  
Presiden Cuepacs merangkap Pengerusi GAKUM

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Kadim bin Suaidi,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM,

Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM

Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad Ghazie bin Ismail, Penolong Naib Canselor  
(Jaringan Industri & Masyarakat)

2

Tn. Hj. Zailani bin Abd. Razak  
Timbalan Pengerusi GAKUM merangkap  
Presiden Kesatuan Kakitangan Universiti Putra Malaysia

Saudara Jamal Nasir bin Hj. Abd. Wahab  
Presiden Kesatuan Pegawai Am UTeM (KEKUTeM)

Pegawai-pegawai Kanan Universiti

YM Ku Azmi Bin Ku Ibrahim  
Setiausaha GAKUM merangkap  
Presiden Kesatuan Kakitangan Universiti Utara Malaysia

Semua Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan IPTA Malaysia

Semua wakil Kesatuan Seluruh IPTA Malaysia

Presiden UTeMASA & PRAKTIS UTeM

3

Jawatankuasa Pelaksana Sambutan Hari Raya, ahli KEKUTeM

Seterusnya Tuan-tuan dan puan-puan yang di hormati sekalian,

1. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya dapat kita berhimpun dan bertemu lagi untuk meraikan Sambutan Hari Raya Gabungan Majlis Presiden & Setiausaha Kehormat Kesatuan Universiti / IPTA Malaysia (GAKUM) dalam suasana yang meriah dan penuh keceriaan. Semoga kegembiraan dan kesyukuran ini akan terus menjadi inti sari dalam mengeratkan silaturahim antara warga semua universiti / IPTA Malaysia.
2. Saya mengambil kesempatan mewakili pihak Pengurusan Tertinggi UTeM merakamkan ucapan “Salam Aidilfitri” dan Maaf Zahir & Batin kepada para hadirin sekalian yang hadir dari semua kesatuan IPTA termasuk dari Sabah dan Sarawak.

4

3. Saya difahamkan majlis ini adalah majlis tahunan yang diadakan setiap tahun secara penggiliran di kalangan setiap kesatuan IPTA. Saya mengucapkan syabas kepada saudara Jamal Nasir selaku Presiden KEKUTeM kerana menyahut cabaran YBhg. Dato' Omar, UTeM menjadi tuan rumah sambutan Hari Raya pada kali ini.
4. Majlis sambutan Hari Raya merupakan satu kesempatan bagi pengurusan tertinggi GAKUM untuk bersama-sama beramah mesra, bermaaf-maafan dan mengeratkan lagi silaturahim di kalangan ahli kesatuan dari semua IPTA. GAKUM telah memainkan peranan yang besar di dalam wadah perjuangan kesatuan di IPTA. Di dalam konteks kesatuan di UTeM, kebijakan staf terutama dari kumpulan pelaksana tidak kita abaikan.

5

5. Di UTeM sendiri selain dari KEKUTeM, terdapat juga dua persatuan lain yang aktif iaitu Persatuan Staf Akademik (UTeMASA) dan persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional (PRAKTIS). Segala permasalahan yang melibatkan kebijakan staf akan dibincangkan di dalam mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) yang diadakan 4 kali setahun. Selain dari itu Presiden KEKUTeM sendiri kerap juga datang berjumpa dengan saya di dalam membincangkan isu-isu yang melibatkan staf kumpulan pelaksana. Alhamdulillah banyak perkara yang telah dapat kita selesaikan di dalam suasana harmoni.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Perginya Ramadhan, akan sentiasa dirindu bagi insan yang benar-benar mendekatkan diri pada Allah S.W.T. Semoga ibadah puasa yang kita lalui di Ramadhan baru-baru ini, berhasil mendapat

6

ganjaran keberkatan, keinsafan, kesabaran dan ketakwaan dari Allah S.W.T.

7. Munculnya Syawal, bererti kita semua merayakan kemenangan menundukkan hawa nafsu dan membolehkan kita kembali kepada jati diri sebagai hambanya yang bertakwa. Banyak amalan mulia yang diamalkan seharusnya diteruskan sepanjang tahun hingga bertemu kembali Ramadhan tahun hadapan insyaAllah.
8. Aspek kebajikan staf juga perlu dilihat secara serius. Organisasi tidak boleh leka dan lalai dari segi memahami akan kebajikan staf. Amalan seperti bersedekah, peluang menuntut ilmu, kelas bimbingan agama dan bantuan kewangan adalah merupakan sebahagian dari kaedah yang perlu disediakan kepada warga UTeM. Sebagai contoh, aktiviti keagamaan yang rancak dilakukan sepanjang Ramadhan oleh Pusat Islam. Pengisian keagamaan

7

mampu menyuntik nilai murni yang seimbang. Kita tidak mahu insan yang terhasil amat bagus dari segi akalnya, namun cetek akidahnya. Hal ini mampu merosakkan nama agama, bangsa dan negara.

9. Di samping itu, melalui aktiviti sambutan dan keramaian di UTeM juga menjadi saluran memupuk keakraban dan menghargai hubungan rapat antara warga UTeM. Majlis seperti Anugerah Khidmat Cemerlang, Anugerah Akademik, Sukan dan sebagainya termasuk sambutan Hari Raya ini merupakan salah satu platform UTeM membala jasa dan budi stafnya.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

10. Saya percaya, keprihatinan dan perhatian yang diberikan menimbulkan rasa mesra dan intim secara tidak langsung menyemarakkan semangat kerjasama, menghormati dan akhirnya memutikkan rasa kasih dan sayang pada UTeM. Ini kerana, UTeM

8

hanya akan berkembang dengan adanya warganya yang produktif, mencintai organisasi dan melakukan yang terbaik. Bak kata pepatah Melayu, “bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat”. Kita perlu merangsang semangat kerja berpasukan atas landasan sejahtera dan harmoni dalam menepati Sasaran Kerja Tahunan dan KPI yang telah ditetapkan.

11. Saya tidak merancang untuk berucap lama. Saya berharap agar perhimpunan pada hari ini, berjalan lancar dengan suasana penuh kemeriahahan. Sebelum mengundur diri, saya merakamkan ucapan penghargaan kepada ahli Jawatankuasa KEKUTeM dan semua yang telah menjayakan majlis ini. Akhir kata, saya berdoa mudah-mudahan apa yang kita lakukan ini diberkati dan semoga warga Universiti /IPTA dilimpahi taufik dan hidayah dan kekuatan ke arah mencipta keunggulan Universiti masing-masing.

9

*Terangnya Desa Dihiasi Pelita  
Cantik Bercahaya Disini Sana  
Tangan Dihulur Maaf Dipinta  
Salam Aidilfitri Buat Semua*

*Dari Kuala Pergi Ke Pekan  
Singgah Di Jeti Mengambil Rokan  
Aidilfitri GAKUM Di UTeM DiAlu-Alukan  
Terlebih Terkurang Harap Dimaafkan*

Dengan lafaz ..Bismillah hir rahman nir rahim ..

**Saya merasmikan majlis sambutan Hari Raya GAKUM pada tahun ini.** Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

Sekian wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

10